

TUAN BUQHAIERAH TUAN MUHAMAD ADNAN & SITI ZUBAIDAH MAT ISA FOTO: SHARIFUDDIN ABDUL RAHIM

PPAS sambut baik #MalaysiaNgaji

SHAH ALAM- Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) menyambut baik kerjasama antara Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUI) bagi menjayakan #MalaysiaNgaji.

Pengarahannya, Mastura Basrah Muhamad berkata, program tersebut merupakan salah satu cara menarik pengunjung ke perpustakaan.

Menurutnya, #MalaysiaNgaji adalah selaras dengan fungsi perpustakaan sebagai pusat ilmu.

"Kita mahu mengajak semua pengunjung tanpa mengira agama, mengingati Tuhan apabila datang ke sini," katanya.

Beliau berkata, seramai 262 kakitangan PPAS terlibat dengan program #MalaysiaNgaji yang diadakan, semalam.

"Di perpustakaan Tun Raja Uda sahaja, terdapat 140 yang terlibat termasuklah pengawal keselamatan dan pekerja pencuci," katanya.

Berhubung kerjasama antara kedua-dua pihak bagi program itu, Mastura berkata, PPAS berharap dapat mengekalkan hubungan tersebut pada masa akan datang.



MASTURA

"Saya sangat teruja dan berterima kasih kepada WUI," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif WUI, Marhaini Yusof berkata, sempena #MalaysiaNgaji, pihaknya turut mengadakan program Street Dakwah di lima lokasi terpilih.

Antaranya, Institut Jantung Negara, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Tesco Setia Alam dan

Hentian R&R Seremban arah selatan serta Bukit Bintang.

"Seramai 15 orang sukarelawan ditempatkan di setiap lokasi bagi mengajak orang awam membaca al-Quran.

"Sekiranya anda ternampak sukarelawan Street Dakwah #MalaysiaNgaji di lokasi, boleh terus menyertainya," katanya.

Beliau berkata, tujuan utama Street Dakwah adalah untuk mengajak semua pihak membaca dan memahami al Quran.

"Sekiranya ia benar-benar dijadikan sebagai panduan, masyarakat akan bebas daripada gejala negatif dan ancaman jenayah," katanya.



Seramai 262 kakitangan PPAS terlibat dengan program #MalaysiaNgaji, semalam.